



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 28 November 2016

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 29 TAHUN 2016**

**PEPERIKSAAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN JAWATAN
TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa peperiksaan bagi tujuan pengesahan jawatan bagi tahun 2017 telah ditetapkan seperti jadual terlampir.

3. Anggota yang ingin menduduki peperiksaan pengesahan hendaklah mendaftar kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia dengan menggunakan borang yang disediakan. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke UPSM selewat-lewatnya pada 2 Februari 2017 (Khamis). Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan, tidak akan dilayan.

4. Sukatan peperiksaan dan borang permohonan boleh didapati di laman web portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>. Manakala bahan rujukan boleh didapati di Perpustakaan LGM.

5. Sila ambil perhatian dan tindakan atas tarikh peperiksaan yang telah diumumkan ini. Jika terdapat sebarang perubahan tarikh peperiksaan, tuan/puan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih .

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'

(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Kewangan dan Akaun

PEPERIKSAAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN JAWATAN TAHUN 2017

BIL	TARIKH PEPERIKSAAN	NAMA PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	BENTUK SOALAN	MASA	TEMPAT
1	23 Mei 2017 (Selasa)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 41 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	2 Feb 2017	ESEI	Bah I & II: 9.00 – 11.30 Bah III: 2.00 – 4.30	Akedemi Hevea Malaysia
2	24 Mei 2017 (Rabu)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 29 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	2 Feb 2017	ESEI	Bah I & II: 9.00 – 11.30 Bah III: 2.00 – 4.30	Akedemi Hevea Malaysia
3	25 Mei 2017 (Khamis)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 19 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	2 Feb 2017	OBJEKTIF	Bah I & II: 9.00 – 11.00 Bah III: 11.30 – 12.30	Akedemi Hevea Malaysia

PANDUAN PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang peperiksaan yang boleh diperolehi dari laman web <http://www3.lgm.gov.my.upsm>
2. Calon-calun digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
3. Calon-calun yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
4. Calon-calun hendaklah **MEMBAWA SLIP PEPERIKSAAN** ketika menghadiri peperiksaan.
5. Calon-calun **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Jika tidak mengikut peraturan Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calun daripada menduduki peperiksaan.